

Malaysia mampu jadi peneraju hab operasi

Daripada ZULKIFLEE BAKAR

AUSTIN, TEXAS 4 Mei - Malaysia mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk berkembang menjadi peneraju hab operasi perkongsian perkhidmatan dan penyumber luaran (S.S.O) global pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, keyakinan itu berasaskan kepada pelbagai usaha yang dilakukan oleh Malaysia pada masa ini dan akan datang dalam memastikan matlamat tersebut tercapai.

Katanya, segmen pertumbuhan yang pantas dalam industri S.S.O adalah penyumber luaran operasi perniagaan pesisir terutama di negara yang mempunyai kos operasi yang rendah.

"Saya percaya Malaysia mampu bersinar dalam bidang industri S.S.O, ini kerana Malaysia menawarkan kos yang paling rendah berbanding dengan negara-negara Asia yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Penyumber Luaran Malaysia sempena Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat (WCIT) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, tema penglibatan Malaysia dalam industri S.S.O ialah 'terbaik untuk seluruh dunia' justeru beliau yakin negara kini berada dalam kedudukan menyediakan bakat berkualiti tinggi bersama-sama struktur kos yang berdaya saing bagi menguruskan perniagaan.

"Selain itu, Malaysia juga mempunyai persekitaran komersial bertaraf dunia dengan kestabilan politik, keselamatan dan lokasi terjamin, infrastruktur yang jelas, kos hidup rendah, gaya hidup yang tinggi, modal insan berkemahiran dan kadar inflasi yang rendah," katanya.

Beliau berkata, dalam soal sumber manusia, syarikat-syarikat mempunyai tenaga kerja yang berpendidikan dengan pelbagai kemahiran dan kebolehan berbahasa termasuk bahasa Inggeris.

"Saya ingin menyatakan sejak penglibatan Malaysia dalam membangunkan industri, kami telah mencapai beberapa ke-

jayaan memberangsangkan dan pada masa ini banyak firma multinasional seperti HSBC, DHL, BMW dan beberapa firma Amerika seperti EDS, ACS dan IBM telah menubuhkan operasi di Malaysia.

"Banyak lagi firma yang akan melakukan langkah yang sama dan keupayaan Malaysia untuk menjadi pemain utama dalam industri S.S.O telah mendapat pengiktirafan daripada beberapa firma penyelidik pasaran seperti 'Frost and Sullivan', A.T Kearney dan juga McKinsey & Co.," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, firma berkenaan melaporkan Malaysia sebagai peneraju global dalam operasi S.S.O dan konsisten berada pada kedudukan ketiga selepas India dan China sebagai destinasi yang menarik untuk bidang tersebut.

Dalam usaha mengekalkan kedudukan itu, Abdullah berkata, Malaysia akan meneruskan penekanan kepada usaha membangunkan pekerja berpengetahuan bagi membantu mengubah negara menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Beberapa langkah juga sedang diambil bagi memperbanyakkan pekerjaan mahir berpengetahuan bagi sektor utama seperti S.S.O. Universiti di Malaysia sudah pun menawarkan kursus dalam bidang ini dan sebagai tambahan institut pembangunan bakat sedang diwujudkan oleh Multimedia Development Corporation (MDEC) bagi memastikan ia memenuhi keperluan syarikat-syarikat S.S.O di Malaysia," katanya.

Mengenai Penyumber Luaran Malaysia yang dilancarkan hari ini, Abdullah berkata, ia seperti sebuah konsortium yang diketuai oleh pemaju-pemaju industri S.S.O Malaysia bagi membawa negara ke paras seterusnya.


"Konsortium ini ditubuhkan menerusi pendekatan kerjasama kerajaan-industri, dengan MDEC, Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) serta Modal Teroka Malaysia (M.D.V) sebagai rakan institusi.

"Peranan utama Penyumber Luaran Malaysia ialah mempromosikan industri S.S.O negara dengan mengenal pasti, membangun dan memperkenalkan kelebihan utama bidang tersebut di Malaysia kepada dunia.

- Utusan

UM-5/5/2006
Saya percaya Malaysia mampu bersinar dalam bidang industri S.S.O, ini kerana Malaysia menawarkan kos yang paling rendah berbanding dengan negara-negara Asia yang lain

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



PERDANA Menteri Jamaica, Portia Simpson Miller mengucapkan selamat jalan kepada Abdullah Ahmad Badawi selepas mengakhiri lawatan rasmi dua hari di Lapangan Terbang Antarabangsa Norman Manley Kingston, Jamaica, kelmarin.

- Bernama